



## SOALAN LAZIM (FAQ) SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR) 2024

### SEMAKAN STATUS STR 2024

#### A. Kaedah Semakan Status Permohonan STR

1. **S: Bagaimanakah saya boleh menyemak status permohonan STR?**

J: Semakan status permohonan STR boleh dibuat melalui:

- a. Portal Rasmi Sumbangan Tunai Rahmah, <https://bantuantunai.hasil.gov.my> dengan memilih menu Log Masuk MySTR>Semakan Status; atau
- b. Aplikasi Semakan Sumbangan Tunai Rahmah dengan memuat turun di Play Store pada telefon bimbit; atau
- c. Hubungi Hotline BKK : 1-800-88-2747 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
- d. Hubungi MOF: 03-8882 4565 / 4566 (waktu operasi: 9.00 pagi - 5.00 petang); atau
- e. Hadir ke Pejabat HASiL yang berhampiran

2. **S: Bagaimanakah cara untuk membuat semakan status permohonan STR 2024 melalui Portal Rasmi STR (<https://bantuantunai.hasil.gov.my>)?**

J: Semakan boleh dibuat seperti berikut:

- a. Klik log masuk MySTR
- b. Masukkan Nombor MyKad Pemohon
- c. Pengesahan Kata Kunci Keselamatan
- d. Masukkan Kata Laluan
- e. Klik Semakan Status
- f. Maklumat yang akan dipaparkan:
  - i. Status Permohonan
  - ii. Maklumat Pembayaran (Jika Ada)

**B. Semakan Status Permohonan STR**

**3. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status Permohonan Diterima dan Dalam Proses?**

J: Status **Permohonan Diterima** adalah merujuk kepada permohonan STR yang telah diterima dan akan melalui proses verifikasi mengikut tempoh permohonan dihantar. Permohonan tersebut masih dibenarkan untuk dikemas kini sehingga status permohonan ditukar kepada status **Dalam Proses**.

Status **Dalam Proses** pula adalah merujuk kepada permohonan STR yang telah diterima dan sedang dalam proses verifikasi kelayakan STR 2024.

**4. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status Lulus?**

J: Status **Lulus** adalah merujuk kepada permohonan STR yang menepati syarat kelayakan selepas proses semakan verifikasi dilakukan.

**5. S: Apakah yang dimaksudkan dengan status Tidak Lulus?**

J: Status **Tidak Lulus** adalah merujuk kepada permohonan STR yang tidak menepati syarat kelayakan selepas proses semakan verifikasi dilakukan.

**6. S: Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya permohonan STR saya berstatus Tidak Lulus?**

J: Bagi permohonan yang Tidak Lulus, pemohon boleh merujuk Soalan Lazim (FAQ) Permohonan STR 2024 untuk mengenal pasti Alasan Tidak Lulus dan dokumen sokongan yang diperlukan semasa membuat Permohonan Rayuan STR.

**7. S: Sekiranya status permohonan saya Dalam Proses, adakah saya boleh mengemas kini semula maklumat permohonan saya?**

J: Tidak. Bagi permohonan berstatus **Dalam Proses** tindakan kemas kini maklumat permohonan tidak boleh dibuat sehingga keputusan dipaparkan.

**8. S: Saya membuat semakan pada Menu Semakan Status Permohonan dan paparan Status Permohonan adalah Tidak Layak. Apakah yang dimaksudkan dengan Tidak Layak?**

J: Sila hubungi pejabat HASiL berdekatan untuk mengetahui maklumat lanjut berkenaan Status Tidak Layak tersebut.